

25/03/1999

Media asing diingat buat liputan betul

SUBANG, Rabu - Media asing diingatkan supaya membuat liputan yang betul dan adil mengenai Malaysia bagi mengelak rakyat negara ini memberi pelbagai reaksi negatif.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata kerajaan menggalakkan media asing meluaskan perniagaan di negara ini, tetapi liputan yang dibuat perlulah adil dan bertanggungjawab.

"Kalau ini tidak dapat dilakukan, mereka menghadapi risiko perniagaan mereka gagal atau digagalkan di sini," katanya mengulas laporan CNN yang mendakwa Hakim Datuk S Augustine Paul menahan sembilan peguam yang mewakili Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana menghina mahkamah kerana enggan membuat penggulangan hujah kes pembelaan semalam.

Mohamed berkata, beliau akan memanggil wakil CNN Serantau untuk memberi penjelasan mengenai laporan berkenaan yang didapati tidak tepat.

"Saya tahu presiden serantau CNN lebih mengutamakan perniagaan. Kita negara pertama di rantau ini yang membenarkan mereka beroperasi secara bebas dan menawarkan perkhidmatan untuk hotel serta televisyen satelit manakala RTM sendiri menyiarkan laporan CNN selama 30 minit sehari.

"Kita bertolak ansur dengan CNN dan mereka juga perlu berlaku adil terhadap kita," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak menghalang media asing membuat liputan di Malaysia kerana percaya dengan kebebasan akhbar tetapi liputan itu perlulah seimbang dan bertanggungjawab.

Sementara itu, sumber memberitahu Berita Harian bahawa kempen menentang berita negatif mengenai Malaysia dipertingkatkan dengan pelaksanaan laman web khas berhubung laporan hal ehwal semasa di negara ini.

Laman web yang dikenali 'My Malaysia' itu dilaksanakan oleh pertubuhan bukan kerajaan yang cintakan negara dengan tajaan sektor swasta.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memberikan persetujuannya berhubung pelaksanaan laman berkenaan dan beliau sendiri dijangka melancarkan projek itu tidak lama lagi," katanya.

Laman web berkenaan boleh dilayari menerusi www.mymalaysia.com.my. Ia mengandungi berita terkini berhubung hal ehwal politik, am dan pelbagai isu di negara ini.

(END)